

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB TUAN TUAN CHE ALIAS BIN HAMID
[KEMAMAN]**

SOALAN

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan jumlah pakar vaksin sedia ada dan perancangan jangka panjang Kerajaan bagi melahirkan lebih ramai pakar di bidang vaksin di seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pada 28 Ogos 2021, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa MOSTI akan memfokus kepada penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk menghasilkan vaksin termasuk vaksin COVID-19. Sehubungan itu, satu pusat pembangunan vaksin telah diwujudkan di bawah MOSTI, melalui penaiktarafan Institut Genom Malaysia menjadi Institut Genom dan Vaksin Malaysia (MGVI). Pihak MOSTI sedang menyusun pakar-pakar vaksin tempatan bagi membolehkan pembangunan vaksin dilaksanakan secara menyeluruh melalui kerjasama Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pengajian Tinggi. Jumlah penyelidik yang melibatkan pembangunan vaksin COVID-19 adalah melebihi 35 orang termasuk penyelidik di bawah MGVI.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, perancangan jangka panjang Kerajaan bagi melahirkan lebih ramai pakar di bidang vaksin di seluruh negara adalah melalui platform kolaborasi antara industri, akademik dan badan penguatkuasa (NPRA). Program latihan, persidangan bersama organisasi antarabangsa juga akan dilakukan bagi membuka peluang kerjasama saintifik dan memastikan kepakaran mereka dalam bidang vaksin berkembang sebaiknya.

Di bawah Kementerian Kesihatan, *National Institutes of Health* (NIH) yang terdiri daripada enam institusi penyelidikan, iaitu:

- *Institute for Medical Research* (IMR);
- *Institute for Clinical Research* (ICR);
- *Institute for Public Health* (IPH);
- Institut Penyelidikan Sistem Kesihatan (IHSS);
- Institut Pengurusan Kesihatan (IHM); dan
- Institut Penyelidikan Tingkah Laku (IBR)

adalah institusi penyelidikan kerajaan yang menjalankan aktiviti R&D berterusan mengenai penjagaan kesihatan.

Institut seperti IMR telah melakukan banyak R&D mengenai vaksin, termasuk vaksin COVID-19, sementara ICR menerajui kajian klinikal pelbagai produk farmasi dan vaksin, serta penyelesaian kesihatan digital.

Clinical Research Malaysia (CRM) merupakan satu agensi di bawah KKM yang menyediakan penyelesaian kajian klinikal global untuk pemain industri. CRM mengembangkan modal insan untuk kajian klinikal termasuklah jawatankuasa penyiasat dan etika dengan melaksanakan pertukaran modal insan/bakat yang ada dengan institusi-institusi luar negara yang telah dikenalpasti.

Selain daripada itu, pembangunan konsortium kerjasama serta komunikasi antara organisasi dan saintis yang berfokuskan penyakit tertentu (spesifik) dikenalpasti sebagai berpotensi dalam pembangunan vaksin. Pusat penyelidikan universiti lain yang menjalankan R&D mengenai vaksin adalah Pusat Virus dan Penyelidikan Vaksin, Universiti Sunway. Fokus utama pusat penyelidikan adalah pembangunan vaksin denggi dan vaksin untuk enterovirus 71 yang menyebabkan penyakit neurologi yang teruk dan penyakit tangan, kaki, dan mulut (HFMD) pada kanak-kanak. Pusat penyelidikan juga bekerjasama secara aktif dengan rakan sejawatnya, iaitu Universiti Oxford, Universiti Monash, Universiti Adelaide dan Universiti Malaya.

Tambahan lagi, pihak universiti juga perlu mengadakan latihan dan membangunkan kurikulum khusus bagi mengembangkan modal insan secara lokal dengan keperluan dan kepakaran yang wajar dan diperlukan dalam pembangunan vaksin manusia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]

SOALAN

TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan selain Skim Pembiayaan Sektor Pelancongan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA), apakah perancangan dan peruntukan tambahan yang bakal disalurkan kepada sektor pelancongan yang banyak terjejas dalam menghadapi impak pandemik COVID-19. Apakah pecahan pengagihan serta mekanisme pelaksanaannya sehingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah melancarkan beberapa pakej rangsangan ekonomi seperti PEMULIH, PEMERKASA Plus dan PEMERKASA yang bertujuan untuk memulihkan ekonomi dan memastikan kesinambungan perniagaan sambil mengekalkan pekerjaan, terutamanya rakyat Malaysia.

2. Antara bantuan khas yang diberikan kepada penggiat industri pelancongan yang disalurkan terus melalui Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) adalah:

- (i) Bantuan khas tunai kepada agensi pelancongan yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) termasuk syarikat-syarikat MM2H yang mempunyai lesen *inbound* di bawah MOTAC;
- (ii) Bantuan kewangan kepada pemandu pelancong di seluruh negara;
- (iii) Bantuan khas tunai kepada pengendali inap desa di bawah Program Pengalaman Homestay Malaysia (MOTAC); dan
- (iv) Bantuan Kewangan Geran Khas Prihatin kepada pengusaha spa dan pusat urutan kaki berdaftar dengan MOTAC;

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, mekanisma pemberian bantuan tunai ini adalah bayaran secara *Electronic Fund Transfer* yang diuruskan sendiri oleh Kementerian terus kepada akaun penerima. Sejak bulan April tahun 2020, Kementerian ini giat melaksanakan proses penyaluran kepada penerima dalam usaha memastikan semua pihak yang terkesan dan layak mendapat bantuan yang sewajarnya sebaik sahaja setiap pakej bantuan diumumkan oleh Kerajaan.

4. MOTAC turut menyediakan bantuan dalam bentuk kewangan kepada Badan Bukan Kerajaan Kebudayaan untuk mengadakan program seni, budaya dan warisan. Bagi tahun 2021, sejumlah RM3juta telah diperuntukkan bagi tujuan tersebut dalam usaha MOTAC membantu kelestarian penggiat seni, warisan dan budaya terutamanya ketika berdepan dengan penularan COVID-19.

5. Selain itu, MOTAC juga telah mewujudkan insentif bagi membantu penggiat industri pelancongan untuk terus mampan walaupun terkesan teruk akibat dari pandemik COVID-19. Insentif yang ditawarkan tersebut adalah melalui pembiayaan kewangan seperti Skim Infrastruktur Pelancongan (SIP) dan Tabung Khas Pelancongan (TKP).

6. MOTAC turut menyediakan bantuan bukan kewangan kepada penggiat industri pelancongan yang terjejas, antaranya:

- (i) Kelonggaran Berkaitan Kompaun;
- (ii) Pengecualian Fi Kepada Pengusaha Pelancongan dan Pemandu Pelancong; dan
- (iii) Kelonggaran Syarat Lesen Kepada Pengusaha Pelancongan.

7. Selain daripada bantuan Kerajaan yang disalurkan peruntukannya melalui MOTAC, terdapat juga insentif lain yang khusus untuk penggiat industri pelancongan serta juga bantuan Kerajaan yang disalurkan rentas kementerian lain yang boleh turut dimanfaatkan oleh penggiat industri pelancongan. Antaranya ialah:

- (i) Diskaun bil elektrik 10% kepada pengusaha hotel, pengendali taman tema, pusat konvensyen, pusat membeli-belah dan pengusaha pelancongan;
- (ii) Pengecualian cukai pelancongan dan cukai perkhidmatan oleh pengusaha hotel;

NO. SOALAN : 107

- (iii) Penangguhan pembayaran ansuran cukai pendapatan bulanan oleh syarikat; dan
- (iv) Sokongan kepada majikan menerusi Program Subsidi Upah iaitu kadar bantuan sebanyak RM600 setiap pekerja selama empat (4) bulan dan terhad sehingga 500 pekerja setiap majikan.

8. Usaha untuk membantu penggiat industri pelancongan untuk kembali bangkit akan diteruskan pada tahun 2022, dengan Pelan Pemulihan Pelancongan yang turut meliputi bantuan khas tunai, geran sepadan untuk pembaikan Hotel Bajet serta Homestay berdaftar dengan MOTAC serta geran sepadan untuk penganjuran program atau acara pelancongan, seni dan budaya.

Sekian, terima kasih.